



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Disember 23, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS  
PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | ENGLISH

## BERITA »

### UPM raih 2 emas, 3 anugerah khas INOVA di Croatia

Oleh Rosnah Shamsuddin



Dari kiri: Encik Nur Misuari Harun (Wakil Kedutaan Malaysia di Croatia, Prof. Madya Dr. Rosnah, Tuan Yang Terutama Dato' Yean Yoke Heng (Duta Malaysia ke Croatia), Muhammad Fakhri dan Badrul Hisham

**ZAGREB** – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Rosnah Shamsudin dan pelajarinya, Muhammad Fakhri Zainuddin meraih dua emas dan tiga anugerah khas, Diploma Euroinvent Gold Medal dari Romania Inventor Forum dan Honor of Invention dari World Invention Intellectual Property Association (WIIPA) pada International Invention Show (INOVA) di sini.

Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Proses & Makanan, Fakulti Kejuruteraan UPM itu menghasilkan produk Ultraviolet (UV) Pasteurizer Machine bagi merawat jus buah-buahan tropika menggunakan sinar ultraviolet untuk menyahaktifkan bakteria selain memelihara kandungan vitamin C dalam jus.

Produk keduanya, White Pepper Decorticator (WPD) merupakan mesin pengupas kulit lada putih yang boleh mempercepatkan proses penghasilan lada putih iaitu daripada 14 hari kepada 5 hari sahaja bagi proses perendaman.



Kesemua Delegasi Malaysia yang telah mengharumkan nama Malaysia dengan meraih 11 pingat emas, 5 perak dan 3 gangsa serta 8 anugerah khas dalam 38 International Invention Show (INOVA) 2013 di Zagreb, Croatia

Rosnah juga memperolehi gangsa dan anugerah khas dari Qatar iaitu Agri Green Special Award dengan produk Pineapple Whole Plant Waste as Potential Feed For Cattles bagi menghasilkan dedak makanan lembu fidlot hasil sisa buangan daun dan batang nenas menggunakan proses penyemperitan dan - pemampatan.

Selain Rosnah, penyelidikan Dr Asnor Juraiza Dato' Ishak dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan dan pelajarinya Badrul Hisham Abu Bakar juga memenangi pingat perak untuk produk SMART Fruit Grader yang merupakan mesin yang mudah alih, mesra pengguna dan mampu dimiliki untuk menimbang dan mengged buah berdasarkan spesifikasi oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Sebanyak 32 negara mempertandingkan 600 produk bagi kategori terbuka dan penyelidik muda pada International Inventions Show (INOVA) di sini pada 12 – 17

November lalu di mana produk-produk UPM mendapat perhatian Presiden Croatia, Ivo Josipovic. Selain itu, Duta Malaysia ke Croatia, Dato' Yean Yoke Heng turut hadir.

[RSS](#) | [Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Notis Hakcipta](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | Jumlah Pelawat : 3926117  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 20 Dec 2013

